



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 70
Bil. 11

25hb Mei 2017

TAMBAHAN
No. 1

No. 1443.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS DAERAH KAMPAR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Majlis Daerah Kampar bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2015 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

Tanggungjawab Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persesembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (*Akta 171*). Majlis juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang

dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaan dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

Pendapat

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Daerah Kampar pada 31 Disember 2015 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan Dan Peraturan Lain

Selaras dengan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (*Akta 171*) di Malaysia, saya turut melaporkan bahawa pada pendapat saya:

- i. Rekod perakaunan dan rekod lain telah diselenggara dengan teratur selaras dengan Seksyen 53, Akta tersebut;
- ii. Penerimaan, perbelanjaan, pelaburan wang dan perolehan serta pelupusan aset oleh Majlis Daerah Kampar bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 adalah selaras dengan peruntukan Akta tersebut; dan
- iii. Aset dan liabiliti telah dinyatakan dengan saksama selaras dengan polisi perakaunan.

BARIDATUL ANITA BINTI BIDIN

b.p. Ketua Audit Negara

Malaysia

IPOH

23 Jun 2016

PENYATA OLEH AHLI-AHLI MAJLIS
MAJLIS DAERAH KAMPAR
PERAK DARUL RIDZUAN

Kami, Rafidi bin Mohd Razali dan Suresh Kee See Leng merupakan Ahli Majlis Daerah Kampar, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat kami, Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkennaan kedudukan Majlis Daerah Kampar 31 Disember 2015 dan hasil kendaliannya dan perubahan kedudukan kewangan bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga Ahli Majlis,

Bagi Pihak Lembaga Ahli Majlis,

RAFIDI BIN MOHD RAZALI
Ahli Majlis
Majlis Daerah Kampar

SURESH KEE SEE LENG
Ahli Majlis
Majlis Daerah Kampar
Tarikh: 25 April 2016

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
MAJLIS DAERAH KAMPAR PERAK DARUL RIDZUAN**

Saya, Khairul Amir bin Mohamad Zubir, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas kewangan Majlis Daerah Kampar, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah benar dan saya membuat pengakuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan menurut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Di hadapan saya

Pesuruhjaya Sumpah Kampar

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

1502

[25hb Mei 2017]

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2015

| | NOTA | 2015 RM | 2014 RM |
|------------------------------------|------|------------|------------|
| ASET BUKAN SEMASA | | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 3 | 29,037,613 | 29,226,656 |
| Kerja Dalam Pelaksanaan | 4 | 631,448 | 0 |
| ASET SEMASA | | | |
| Penghutang | 5 | 6,372,243 | 6,161,586 |
| Pendahuluan/Pinjaman | 6 | 157,704 | 334,947 |
| Cagaran Dibayar | 7 | 23,679 | 22,679 |
| Simpanan Tetap | 8 | 2,400,000 | 1,793,063 |
| Wang di Bank dan di Tangan | 9 | 1,208,939 | 843,935 |
| | | 10,162,565 | 9,156,210 |
| LIABILITI SEMASA | | | |
| Pemiutang | 10 | 1,093,785 | 1,114,101 |
| Cagaran Diterima | 11 | 1,507,144 | 1,524,843 |
| | | 2,600,929 | 2,638,944 |
| ASET SEMASA BERSIH | | | |
| | | 7,561,636 | 6,517,266 |
| | | 37,230,697 | 35,743,922 |
| DIBIAYAI OLEH: | | | |
| Kumpulan Wang | 12 | 18,918,714 | 18,055,580 |
| Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan | 13 | 18,311,983 | 17,688,342 |
| JUMLAH | | 37,230,697 | 35,743,922 |

**PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**

| | NOTA | 2014 RM | 2013 RM |
|-------------------------------------|------|-------------------|-------------------|
| PENDAPATAN | | | |
| Hasil Cukai | 14 | 10,232,739 | 9,462,765 |
| Hasil Bukan Cukai | 15 | 3,868,725 | 3,679,563 |
| Terimaan Bukan Hasil | 16 | 3,700,236 | 3,425,572 |
| JUMLAH PENDAPATAN | | 17,801,700 | 16,567,900 |
| TOLAK: | | | |
| PERBELANJAAN | | | |
| Emolumen | 17 | 8,640,651 | 8,342,672 |
| Perkhidmatan dan Bekalan | 18 | 6,942,515 | 7,069,561 |
| Harta Modal | 19 | 168,289 | 120,894 |
| Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | 20 | 79,331 | 140,256 |
| Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain | 21 | 302,412 | 197,442 |
| Susutnilai | 3 | 1,066,147 | 1,045,201 |
| JUMLAH PERBELANJAAN | | 17,199,345 | 16,916,026 |
| LEBIHAN/(KURANGAN) | | | |
| PENDAPATAN ATAS PERBELANJAAN | | 602,355 | (348,126) |

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

1504

[25hb Mei 2017]

PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

| Butiran | Kumpulan Wang Terkumpul | Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan | Kumpulan Wang Pinjaman Komputer | Kumpulan Wang Pembangunan | Kumpulan Wang Lain-lain | Jumlah |
|---------------------------------------|-------------------------|----------------------------------|---------------------------------|---------------------------|-------------------------|------------|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Baki pada 1hb. Jan 2014 | 17,589,243 | 200,000 | 50,000 | 6,080 | 742,937 | 18,588,260 |
| Pelarasan Tahun Lepas | (249,817) | 0 | 0 | 0 | 0 | (249,817) |
| Urusniaga Dalam Tahun | 0 | 0 | 0 | 117,227 | (51,964) | 65,263 |
| Kurangan Pendapatan Atas Perbelanjaan | (348,126) | 0 | 0 | 0 | 0 | (348,126) |
| Baki Pada 31hb Disember 2014 | 16,991,300 | 200,000 | 50,000 | 123,307 | 690,973 | 18,055,580 |
| Baki pada 1 Januari 2015 | 16,991,300 | 200,000 | 50,000 | 123,307 | 690,973 | 18,055,580 |
| Pelarasan Tahun Lepas | (434,571) | 0 | 0 | 0 | 0 | (434,571) |
| Urusniaga Dalam Tahun | 0 | 0 | 0 | 219,162 | 476,188 | 695,350 |
| Lebihan Pendapatan Atas Perbelanjaan | 602,355 | 0 | 0 | 0 | 0 | 602,355 |
| Baki pada 31hb Disember 2015 | 17,159,084 | 200,000 | 50,000 | 342,469 | 1,167,161 | 18,918,714 |

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

| | 2015 RM | 2014 RM |
|---|------------|------------|
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI | | |
| Lebihan/(Kurangan) Pendapatan Atas Perbelanjaan | (602,355) | (348,126) |
| Pelarasan untuk: | | |
| Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan | 1,066,147 | 1,045,201 |
| Pelarasan Susutnilai | 3,850 | 7 |
| Pelarasan Tahun Lepas | (424,571) | (249,817) |
| Pindahan Dari Pemberian Kerajaan Dimodalkan | (595,357) | (593,425) |
| Faedah dan Perolehan Dari Pelaburan | (89,410) | (153,270) |
| | <hr/> | <hr/> |
| Lebihan/(Kurangan) Pendapatan Sebelum Perubahan Modal Kerja | 553,014 | (299,430) |
| Pertambahan Dalam Penghutang | (210,657) | (707,572) |
| (Pengurangan)/Pertambahan Dalam Pendahuluan Pinjaman | 177,243 | (35,893) |
| Pertambahan/(Pengurangan) dalam Cagaran Dibayar | (1,000) | 33,969 |
| (Pengurangan)/Pertambahan Dalam Pembiutang | (20,316) | 256,177 |
| (Pengurangan)/Pertambahan Dalam Cagaran Diterima | (17,699) | 316,250 |
| | <hr/> | <hr/> |
| Tunai Bersih Dihasilkan Daripada/(Digunakan Dalam) Aktiviti Operasi | 480,585 | (436,499) |
| Terimaan Daripada Faedah dan Perolehan Pelaburan | 89,410 | 153,270 |
| | <hr/> | <hr/> |
| Aliran Tunai Bersih Dihasilkan daripada/(Digunakan Dalam) Aktiviti Operasi | 569,995 | (283,229) |
| | <hr/> | <hr/> |

**ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI
PELABURAN**

| | | |
|---|-----------|-------------|
| Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan | (880,094) | (1,117,126) |
| Kerja Dalam Pelaksanaan | (631,448) | 0 |
| Terimaan Daripada Pemberian Kerajaan Dimodalkan | 1,218,998 | 972,993 |
| | <hr/> | <hr/> |
| Aliran Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Pelaburan | (293,404) | (144,133) |
| | <hr/> | <hr/> |

**PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015—(samb.)**

| | 2015 RM | 2014 RM |
|--|------------|------------|
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN | | |
| Kumpulan Wang Pembangunan | 219,162 | 117,227 |
| Kumpulan Wang Lain-lain | 476,188 | (51,964) |
| | 695,350 | 65,263 |
| Aliran Tunai Bersih Dihasilkan Daripada Aktiviti Pembentangan | | |
| | | |
| Pertambahan/(Pengurangan) Bersih Dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai | 971,941 | (362,099) |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun | 2,636,998 | 2,999,097 |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun | 3,608,939 | 2,636,998 |
| | | |
| Diwakili Oleh: | | |
| Wang di Bank dan di Tangan | 1,208,939 | 843,935 |
| Simpanan Tetap | 2,400,000 | 1,793,063 |
| | 3,608,939 | 2,636,998 |

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2015**

1. MAKLUMAT ORGANISASI

1.1 VISI

Menjadi Peneraju kearah Kawasan Perbandaran Kampar yang Progresif dan Sejahtera Menjelang Tahun 2020.

1.2 AKTIVITI UTAMA

- 1.2.1 Menyediakan kemudahan infrastruktur yang dapat membaik kualiti kehidupan masyarakat.
- 1.2.2 Melaksanakan Dasar Ekonomi Baru. Memberi perkhidmatan sosial dan ekonomi kepada masyarakat.
- 1.2.3 Merancang projek-projek sosial dan ekonomi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2015—(samb.)

1. MAKLUMAT ORGANISASI—(samb.)

1.3 STRUKTUR ORGANISASI

- Majlis terdiri daripada tujuh Jabatan dan lima Bahagian.
- 1.3.1 Jabatan Khidmat Pengurusan
 - Bahagian Sumber Manusia
 - Bahagian Korporat
 - 1.3.2 Jabatan Perbendaharaan Dan Sistem Maklumat.
 - 1.3.3 Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
 - 1.3.4 Jabatan Perkhidmatan Perbandaran
 - Bahagian Perkhidmatan Perbandaran
 - Bahagian Lesen Pasar
 - Bahagian Lesen Am
 - 1.3.5 Jabatan Perancang Dan Pembangunan
 - 1.3.6 Jabatan Kejuruteraan
 - 1.3.7 Bahagian Penguatkuasaan
 - 1.3.8 Unit Perundangan
 - 1.3.9 Unit Pusat Setempat (OSC)

1.4 PERJAWATAN

| Kumpulan Perjawatan | Perjawatan | Taraf Jawatan | Diisi |
|--------------------------|------------|---------------|----------|
| Pengurusan & Profesional | 8 | Tetap | 7 |
| Sokongan 1 | 92 | Tetap | 76 |
| Sokongan 2 | 170 | Tetap Kontrak | 158 4 |
| Lantikan Kementerian | 1 | Tetap | 1 |
| Skim Khidmat Singkat | 2 | Kontrak | 2 |

1.5 PENGURUSAN MAJLIS

Majlis terdiri daripada Yang Dipertua, 20 Ahli Majlis dan Setiausaha yang bertindak di dalam ruang lingkup kuasa yang diberikan di bawah:

- i. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (*Akta 171*)
- ii. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (*Akta 133*)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2015—(samb.)**

1. MAKLUMAT ORGANISASI—(samb.)

1.5 PENGURUSAN MAJLIS—(samb.)

- iii. Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (*Akta 172*)
- iv. Akta Pengangkutan Jalan 1987 (*Akta 333*)
- v. Undang-Undang Kecil yang diwartakan.

Lembaga/Jawatankuasa-Jawatankuasa yang diwujudkan terdiri daripada:

- i. Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
- ii. Jawatankuasa Pelesenan
- iii. Lembaga Tender Dan Sebutharga
- iv. Jawatankuasa Bantahan
- v. Lembaga Lantikan, Tatatertib dan Kenaikan Pangkat
- vi. Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran
- vii. Jawatankuasa Kebersihan dan Pengindahan Bandar
- viii. Jawatankuasa Projek Penswastaan Dan Usahasama
- ix. Jawatankuasa Infrastruktur Dan Pembangunan
- x. Jawatankuasa Tender/Sebutharga
- xi. Jawatankuasa Lalulintas
- xii. Mesyuarat Penuh

1.6 SUMBER KEWANGAN

Majlis memperolehi pembiayaan melalui hasil daripada aktiviti-aktiviti utama serta sumbangan daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

2.1 Asas Perakaunan

2.1.1 Kos Sejarah

Penyata Kewangan ini disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah selain daripada dalam nota-nota kepada Penyata Kewangan dan mengikuti piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia.

2.1.2 Pengiktirafan Pendapatan.

i. Hasil Kendalian/Operasi

Pendapatan daripada kendalian/operasi Majlis diiktiraf menggunakan kaedah asas akruan seperti cukai taksiran, carum bantu kadar, sewaan kecuali sewa, dewan, padang dan

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2015—(samb.)**

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN—(samb.)

2.1.2 Pengiktirafan Pendapatan—(samb.)

gelanggang, trek olahraga, peralatan, sistem audio dan tapak penjaja. Notis dan faedah simpanan tetap berkonseptkan konvensional akan diiktiraf sebagai pendapatan dalam tahun semasa menggunakan asas akruan. Pendapatan daripada kendalian/operasi selain daripada yang tersebut di atas diiktiraf berdasarkan asas tunai yang mana perlu.

ii. Terimaan Bukan Hasil

Pendapatan-pendapatan lain seperti bantuan dan sumbangan daripada Kerajaan Negeri dan Persekutuan atau lain-lain pendapatan yang berkelaziman atau di bawah kehendak mana-mana Akta dan arahan akan diiktiraf secara akruan.

iii. Keuntungan Simpanan Tetap

Penerimaan keuntungan untuk simpanan tetap sistem perbankan secara Islam diambilkira berdasarkan asas tunai.

2.1.3 Pengiktirafan Perbelanjaan

Perbelanjaan diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam tahun semasa dengan menggunakan asas akruan.

2.2 Hartanah, Loji Dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul dan nilai aset terjejas, jika ada. Hartanah, loji dan peralatan disusutnilai menggunakan asas sama rata supaya kos harta-harta tersebut dilunaskan sepanjang tempoh jangkaan usiaguna harta tersebut.

Harta yang berjumlah RM1,000 dan ke atas akan dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan. Bagi harta yang berjumlah kurang dari RM1,000 akan dicajkan sebagai perbelanjaan di Penyata Pendapatan.

Pengiktirafan susutnilai atas harta dilakukan hanya bagi pembelian harta sebelum atau pada 30hb Jun setiap tahun dengan mengambilkira peruntukan jumlah setahun tanpa mengambilkira bulan dibeli.

Tanah milik bebas tidak disusutnilai.

Kadar-kadar tahunan yang digunakan adalah seperti berikut:-

| | | |
|----------------------|---|----------------|
| Tanah | : | Tempoh Pajakan |
| Bangunan Kekal | : | 2% |
| Gerai | : | 2% |
| Kenderaan | : | 20% |
| Mesin-Mesin dan Loji | : | 2% |
| Kelengkapan Pejabat | : | 20% |
| Peralatan | : | 25% |

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2015—(*samb.*)2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN—(*samb.*)

2.3 Sumbangan Bantu Kadar

Pemberian Sumbangan Bantu Kadar adalah berdasarkan kepada Caruman/pemberian yang diluluskan samaada oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan lain-lain pihak yang terlibat dan direalisasikan sebagai pendapatan mengikut tahun tuntutan.

2.4 Pendapatan Geran

- 2.4.1 Geran pembangunan berkaitan perbelanjaan modal yang diterima daripada Kerajaan akan dikreditkan ke akaun Pemberian Kerajaan yang Dimodalkan. Amaun yang digunakan dalam tahun akan diambilkira di dalam penyata pendapatan berdasarkan kepada tempoh hayat harta berkenaan yang bersamaan dengan jumlah susutnilai yang dikenakan.
- 2.4.2 Geran Pengurusan yang diterima daripada Kerajaan akan dikreditkan ke akaun Pendapatan Tertangguh – Geran Kerajaan Mengurus dan akan diambilkira di dalam penyata pendapatan dalam tahun sama di mana geran tersebut digunakan bagi perbelanjaan yang telah dibenarkan.

2.5 Kerja Dalam Perlaksanaan

Kerja dalam perlaksanaan adalah kerja-kerja yang masih belum disempurnakan pada akhir tahun kewangan dan dinyatakan pada nilai kos mengikut kaedah siap dilaksanakan.

2.6 Pinjaman

Pinjaman yang diperolehi dari mana-mana Kerajaan, Agensi dan lain-lain pihak diperakaunkan berdasarkan syarat-syarat yang dipersetujui bersama dan dinyatakan di Lembaran Imbangsan sebagai Pinjaman Jangka Pendek dan Pinjaman Jangka Panjang. Jumlah bayaran balik pula dinyatakan sebagai pinjaman jangka pendek yang dibayar dalam masa setahun selepas tahun perakaunan.

2.7 Kemudahan Awam

Kemudahan awam yang berkaitan dengan kepentingan awam tidak diiktiraf sebagai harta tanah, loji dan peralatan dan diambilkira di bawah harta modal dalam Penyata Pendapatan.

2.8 Tarikh Penyata Kewangan Diluluskan

Tarikh Penyata Kewangan 2015 diluluskan adalah pada 30 Mac 2016 dalam Mesyuarat Penuh Bil. 3/2016.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2015—(samb.)**

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN—(samb.)

2.9 Manfaat Pekerja

a) Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun di mana perkhidmatan yang berkaitan diberikan kepada pekerja Majlis.

Lain-lain manfaat yang diberikan kepada pekerja Majlis termasuk hadiah sambutan ulangtahun kelahiran, hadiah perkahwinan dan pemberian saguhati pesara di mana tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.

b) Pelan Caruman Wajib

Majlis membayar caruman wajib pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP). Caruman tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan apabila ia tertanggung.

2.10 Rosotnilai Aset

Nilai dibawa aset akan dinilai sama ada terdapat tanda-tanda rosotnilai. Rosotnilai diukur dengan membandingkan nilai dibawa dan nilai pulih aset berkenaan.

Kerugian rosotnilai diambil kira di dalam penyata pendapatan. Penambahan selanjutnya dalam nilai boleh pulih aset tersebut diambilkira sebagai pengembalian semula terhadap kerugian rosotnilai terdahulu dan diiktiraf setakat tahap nilai di bawa aset tersebut yang boleh dipastikan (setelah ditolak pelunasan dan susut nilai) seandainya tiada kerugian rosotnilai yang diiktiraf sebelum ini. Pengembalian semula tersebut diambilkira di dalam penyata pendapatan.

2.11 Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada baki tunai di bank dan di tangan dan deposit berkecairan tinggi yang sedia untuk ditukarkan kepada jumlah tunai dan yang tertakluk kepada risiko perubahan tunai yang tidak ketara.

Penyata Aliran Tunai disediakan mengikut kaedah tidak langsung.

2.12 Penghutang

Penghutang dinyatakan pada nilai jangkaan yang boleh direalisasikan. Hutang lalu akan dihapuskira apabila dikenalpasti.

2.13 Pemiutang

Pemiutang dinyatakan pada nilai kos yang merupakan nilai saksama yang dipertimbangkan akan dibayar pada masa hadapan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang diterima.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2015—(samb.)**

3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

3.1 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

| 2015 | Tanah | Bangunan | Kenderaan | Peralatan | Kelengkapan | |
|-----------------------------|---------------|-------------------|------------------|----------------|------------------|-------------------|
| | RM | RM | RM | RM | Pejabat | Jumlah |
| Kos | | | | | | |
| Baki Awal | 24,000 | 36,189,778 | 4,066,916 | 791,507 | 1,017,282 | 42,089,483 |
| Tambahan | 0 | 686,535 | 75,121 | 6,585 | 112,713 | 880,954 |
| Pelupusan | 0 | 0 | 0 | 0 | (68,872) | (68,872) |
| Baki Akhir | 24,000 | 36,876,313 | 4,142,037 | 798,092 | 1,061,123 | 42,901,565 |
| Susutnilai Terkumpul | | | | | | |
| Baki Awal | 2,424 | 8,099,637 | 3,166,048 | 764,073 | 830,645 | 12,862,827 |
| Tambahan | 242 | 724,514 | 260,260 | 16,506 | 64,625 | 1,066,147 |
| Pelarasan | 0 | 0 | 0 | 0 | 3,850 | 3,850 |
| Pelupusan | 0 | 0 | 0 | 0 | (68,872) | (68,872) |
| Baki Akhir | 2,666 | 8,824,151 | 3,426,308 | 780,579 | 830,248 | 13,863,952 |
| Nilai Bawaan Bersih | 21,334 | 28,052,162 | 715,729 | 17,513 | 230,875 | 29,037,613 |
| 2014 | Tanah | Bangunan | Kenderaan | Peralatan | Kelengkapan | |
| | RM | RM | RM | RM | Pejabat | Jumlah |
| Kos | | | | | | |
| Baki Awal | 24,000 | 35,439,178 | 3,764,987 | 841,672 | 976,955 | 41,046,792 |
| Tambahan | 0 | 750,600 | 301,929 | 8,770 | 55,827 | 1,117,126 |
| Pelupusan | 0 | 0 | 0 | (58,935) | (15,500) | (74,435) |
| Baki Akhir | 24,000 | 36,189,778 | 4,066,916 | 791,507 | 1,017,282 | 42,089,483 |
| Susutnilai Terkumpul | | | | | | |
| Baki Awal | 2,182 | 7,380,038 | 2,917,671 | 808,127 | 784,031 | 11,892,049 |
| Tambahan | 242 | 719,599 | 223,596 | 40,367 | 61,397 | 1,045,201 |
| Pelarasan | 0 | 0 | 0 | 11 | 1 | 12 |
| Pelupusan | 0 | 0 | 0 | (58,935) | (15,500) | (74,435) |
| Baki Akhir | 2,424 | 8,099,637 | 3,141,267 | 789,570 | 829,929 | 12,862,827 |
| Nilai Bawaan Bersih | 21,576 | 28,090,141 | 925,649 | 1,937 | 187,353 | 29,226,656 |

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2015—(samb.)**

| | 2015 RM | 2014 RM |
|-----------------------------------|------------|------------|
| 4. KERJA DALAM PELAKSANAAN | | |
| Baki Pada Awal Tahun | 0 | 0 |
| Tambahan Dalam Tahun Semasa | 631,448 | 0 |
| | 631,448 | 0 |
| 5. PENGHUTANG | | |
| Cukai Taksiran Am | 4,829,238 | 4,579,596 |
| Notis E Cukai Taksiran Am | 512,608 | 366,885 |
| Notis Tuntutan | 24,435 | 24,900 |
| Sewaan | 852,693 | 1,083,657 |
| Pelbagai Penghutang | 149,465 | 102,265 |
| Waran F | 3,804 | 4,283 |
| | 6,372,243 | 6,161,586 |
| 6. PENDAHULUAN/PINJAMAN: | | |
| 6.1 Pendahuluan Kenderaan: | | |
| Baki pada 1hb Januari | 140,281 | 110,991 |
| Campur: | | |
| Pinjaman Diberi Dalam Tahun | 67,200 | 84,900 |
| | | |
| Tolak: | | |
| Bayaran Balik Dalam Tahun: | (78,466) | (56,026) |
| Tambah Pelarasan | 1,283 | 416 |
| | 130,298 | 140,281 |
| 6.2 Pendahuluan Komputer: | | |
| Baki pada 1hb Jan | 20,141 | 17,615 |
| Campur: | | |
| Pinjaman Diberi Dalam Tahun | 1,699 | 15,553 |
| | | |

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2015—(samb.)**

| | 2015 | 2014 |
|---|-----------|----------|
| | RM | RM |
| 6. PENDAHULUAN/PINJAMAN:—(samb.) | | |
| 6.2 Pendahuluan Komputer:—(samb.) | | |
| Tolak: | | |
| Bayaran Balik Dalam Tahun | (10,834) | (13,421) |
| Tambah Pelarasan: | 0 | 394 |
| Baki pada 31hb Dis | 11,006 | 20,141 |
| 6.3 Pendahuluan Pinjaman Pelajaran | | |
| Baki pada 1hb Jan | 20,850 | 21,530 |
| Campur: | | |
| Pinjaman Diberi Dalam Tahun | 0 | 4,000 |
| Tolak: | | |
| Bayaran Balik Dalam Tahun | (4,550) | (4,400) |
| Tolak Pelarasan: | 0 | (280) |
| Baki pada 31hb Dis. | 16,300 | 20,850 |
| 6.4 Pendahuluan Diri | | |
| Baki pada 1hb Jan | 153,675 | 148,918 |
| Campur: | | |
| Pinjaman Diberi Dalam Tahun | 0 | 94,255 |
| Tolak: | | |
| Bayaran Balik Dalam Tahun | (49,251) | (89,498) |
| Tolak Pelarasan: | (104,324) | 0 |
| Baki Pada 31hb Dis. | 100 | 153,675 |
| Baki Keseluruhan Pada 31hb Dis. | 157,704 | 334,947 |
| 7. CAGARAN DIBAYAR | | |
| Cagaran Elektrik | 3,179 | 3,179 |
| Cagaran Saman | 17,000 | 16,000 |
| Cagaran Touch & Go | 3,500 | 3,500 |
| | 23,679 | 22,679 |

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2015—(samb.)

| | | 2015 RM | 2014 RM |
|---|-----------|------------|------------|
| 8. SIMPANAN TETAP | | | |
| Baki pada 1hb Jan. | 1,793,063 | 1,371,664 | |
| Campur : | | | |
| Tambahan Dalam Tahun | 600,000 | 500,000 | |
| Keuntungan Dalam Tahun | | | |
| Tolak: | | | |
| Pelarasan/Pengeluaran Dalam Tahun | (6,937) | (78,601) | |
| | <hr/> | <hr/> | |
| | 2,400,000 | 1,793,063 | |
| | <hr/> | <hr/> | |
| 9. WANG DI BANK DAN DI TANGAN | | | |
| Simpanan Semasa - CIMB | 910,590 | 570,708 | |
| Simpanan Semasa - CIMB (Kenderaan) | 92,591 | 79,295 | |
| Simpanan Semasa - CIMB (Komputer) | 51,519 | 41,914 | |
| Simpanan Semasa - RHB Gopeng | 25,351 | 79,345 | |
| Simpanan Semasa - MBB | 7,799 | 20,120 | |
| Simpanan Semasa - Akaun Rumah Rehat | 94,135 | 26,114 | |
| Simpanan Semasa - Program Pembangunan Kemiskinan Bandar | 14,673 | 14,598 | |
| Simpanan Semasa - Pakej Rangsangan Ekonomi | 3,935 | 3,935 | |
| Simpanan Semasa - Bank Islam | 1,011 | 1,001 | |
| Wang Pos | 2,910 | 2,946 | |
| Wang Runcit | 1,000 | 1,000 | |
| Wang Ditangan | 2,405 | 2,005 | |
| Touch & Go | 1,020 | 954 | |
| | <hr/> | <hr/> | |
| | 1,208,939 | 843,935 | |
| | <hr/> | <hr/> | |
| 10. PEMIUTANG | | | |
| Bayaran Audit | 25,000 | 15,160 | |
| Pelbagai Pemiutang | 1,068,785 | 1,098,941 | |
| | <hr/> | <hr/> | |
| | 1,093,785 | 1,114,101 | |

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2015—(samb.)**

| | 2015 RM | 2014 RM |
|--------------------------------|------------|------------|
| 11. CAGARAN DITERIMA | | |
| Pertaruhan | 1,392,241 | 1,419,717 |
| Terimaan Terdahulu Cukai | | |
| Taksiran/Sewaan | 61,018 | 87,921 |
| Cek Luput dan Cek Dikembalikan | 53,885 | 17,205 |
| | 1,507,144 | 1,524,843 |

12. KUMPULAN WANG**12.1 KUMPULAN WANG TERKUMPUL**

| | NOTA RM | 2015 RM | 2014 RM |
|------------------------------|------------|------------|------------|
| Baki Awal | | 16,991,300 | 17,589,243 |
| Lebihan/(Kurangan) | | | |
| Pendapatan atas Perbelanjaan | | 602,355 | (348,126) |
| Pelarasan Tahun Lepas | 22 | (434,571) | (249,817) |
| Baki Akhir | | 17,159,084 | 16,991,300 |

12.2 KUMPULAN WANG PINJAMAN KENDERAAN

| | | |
|------------|---------|---------|
| Baki Awal | 200,000 | 200,000 |
| Baki Akhir | 200,000 | 200,000 |

12.3 KUMPULAN WANG PINJAMAN KOMPUTER

| | | |
|------------|--------|--------|
| Baki Awal | 50,000 | 50,000 |
| Baki Akhir | 50,000 | 50,000 |

12.4 KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

| | | |
|-----------------------|---------|---------|
| Baki Awal | 123,307 | 6,080 |
| Urusniaga dalam Tahun | 219,162 | 117,227 |
| Baki Akhir | 342,469 | 123,307 |

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

25hb Mei 2017]

1517

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2015—(samb.)

12. KUMPULAN WANG—(samb.)

| | 2015 RM | 2014 RM |
|-------------------------------------|-------------------|-------------------|
| 12.5 KUMPULAN WANG LAIN-LAIN | | |
| Baki Awal | 690,973 | 742,937 |
| Urusniaga dalam Tahun | 476,188 | (51,964) |
| | <hr/> | <hr/> |
| Baki Akhir | 1,167,161 | 690,973 |
| | <hr/> | <hr/> |
| JUMLAH BESAR | 18,918,714 | 18,055,580 |
| | <hr/> | <hr/> |

Kumpulan Wang Lain-Lain terdiri daripada Kumpulan Wang Rangsangan Ekonomi Kedua, Kumpulan Wang Pembasmian Kemiskinan Bandar, Kumpulan Wang gaji PKA, Kumpulan Wang Gaji OSC, Kumpulan Wang gaji COB, Kumpulan Wang Bandar Selamat dan Kumpulan Wang Amanah Saliran.

13. PEMBERIAN KERAJAAN DIMODALKAN

| 2015 | Bangunan RM | Kenderaan RM | Peralatan RM | Kelengkapan Pejabat RM | Jumlah RM |
|-------------------------|----------------|-----------------|-----------------|------------------------------|--------------|
| Kos | | | | | |
| Baki Awal | 21,823,696 | 2,335,386 | 697,468 | 224,320 | 25,080,870 |
| Tambahan | 587,550 | 0 | 0 | 0 | 587,550 |
| Pelupusan | 0 | 0 | 0 | (30,988) | (30,988) |
| | | | | | |
| Baki Akhir | 22,411,246 | 2,335,386 | 697,468 | 193,332 | 25,637,432 |
| Kredit Tertunda | | | | | |
| Baki Awal | 4,775,601 | 1,700,056 | 692,653 | 224,218 | 7,392,528 |
| Tambahan | 434,210 | 158,823 | 2,325 | (1) | 595,357 |
| Pelarasan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Pelupusan | 0 | 0 | 0 | (30,988) | (30,988) |
| | | | | | |
| Baki Akhir | 5,209,811 | 1,858,879 | 694,978 | 193,229 | 7,956,897 |
| Kerja Dalam Pelaksanaan | 631,448 | 0 | 0 | 0 | 631,448 |
| Nilai Bawaan Bersih | 17,832,883 | 476,507 | 2,490 | 103 | 18,311,983 |

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

1518

[25hb Mei 2017]

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2015—(samb.)

13. PEMBERIAN KERAJAAN DIMODALKAN—(samb.)

| 2014 | Bangunan | Kenderaan | Peralatan | Kelengkapan | Jumlah |
|--------------------------------|-------------------|------------------|----------------|----------------|-------------------|
| | RM | RM | RM | Pejabat | |
| Kos | | | | | |
| Baki Awal | 21,073,096 | 2,112,993 | 747,358 | 224,320 | 24,157,767 |
| Tambahan | 750,600 | 222,393 | 0 | 0 | 972,993 |
| Pelupusan | 0 | 0 | (49,890) | 0 | (49,890) |
| Baki Akhir | 21,823,696 | 2,335,386 | 697,468 | 224,320 | 25,080,870 |
| Kredit Tertunda | | | | | |
| Baki Awal | 4,343,324 | 1,541,233 | 740,213 | 224,218 | 6,848,988 |
| Tambahan | 432,277 | 158,823 | 2,325 | 0 | 593,425 |
| Pelarasaran | 0 | 0 | 5 | 0 | 5 |
| Pelupusan | 0 | 0 | (49,890) | 0 | (49,890) |
| Baki Akhir | 4,775,601 | 1,700,056 | 692,653 | 224,218 | 7,392,528 |
| Kerja Dalam Pelaksanaan | | | | | |
| Nilai Buku Bersih | 17,048,095 | 635,330 | 4,815 | 102 | 17,688,342 |

14. HASIL CUKAI

| | 2015 | 2014 |
|-------------------|------------|-----------|
| | RM | RM |
| Cukai Langsung | 9,634,270 | 8,862,909 |
| Cukai Bantu Kadar | 598,469 | 599,856 |
| | <hr/> | <hr/> |
| | 10,232,739 | 9,462,765 |
| | <hr/> | <hr/> |

15. HASIL BUKAN CUKAI

| | | |
|---------------------------------------|-----------|-----------|
| Lesen, Permit dan Pendaftaran | 1,164,198 | 1,013,295 |
| Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan | 1,039,459 | 1,033,648 |
| Perolehan dari Jualan Barang-Barang | 47,049 | 45,263 |
| Sewaan | 957,361 | 1,010,646 |
| Faedah dan Perolehan dari Pelaburan | 89,410 | 153,270 |
| Denda dan Hukuman | 479,448 | 334,368 |
| Sumbangan Longkang | 91,800 | 59,073 |
| | <hr/> | <hr/> |
| | 3,868,725 | 3,679,563 |
| | <hr/> | <hr/> |

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2015—(samb.)**

| | 2015 RM | 2014 RM |
|---|------------|------------|
| 16. TERIMAAN BUKAN HASIL | | |
| Geran Tahunan Berasaskan Keseimbangan | 1,713,285 | 1,713,285 |
| Sumbangan Kerajaan Negeri | 965,535 | 766,109 |
| Terimaan-Terimaan Lain | 426,059 | 352,753 |
| Pindahan Dari Pemberian Kerajaan Dimodalkan | 595,357 | 593,425 |
| | 3,700,236 | 3,425,572 |
| 17. EMOLUMEN | | |
| Gaji dan Upahan | 5,144,955 | 5,096,687 |
| Elaun Tetap | 1,575,003 | 1,524,862 |
| Sumbangan Berkanun untuk Kakitangan (KWSP/KWAP/SOCSO) | 923,388 | 912,269 |
| Elaun Lebih Masa | 539,989 | 481,366 |
| Faedah Kewangan Kakitangan Awam (Bonus) | 457,316 | 327,488 |
| | 8,640,651 | 8,342,672 |
| 18. PERKHIDMATAN DAN BEKALAN | | |
| Perjalanan dan Sara Hidup | 79,507 | 98,634 |
| Pengangkutan Barang-barang | 3,689 | 3,845 |
| Perhubungan dan Utiliti | 2,057,700 | 2,168,850 |
| Sewaan | 51,229 | 26,826 |
| Bekalan Bahan Mentah untuk Penyelenggaraan dan Pembakaian | 515,139 | 468,227 |
| Bekalan dan Bahan Lain | 435,639 | 510,978 |
| Penyelenggaraan dan Pembakaian Kecil Yang Dibeli | 992,901 | 933,393 |
| Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Hospitaliti yang dibeli | 2,806,711 | 2,858,808 |
| | 6,942,515 | 7,069,561 |

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2015—(samb.)

| | 2015 RM | 2014 RM |
|---|------------|------------|
| 19. HARTA MODAL | | |
| Kemudahan dan Pembaikan Kemudahan | 136,407 | 91,169 |
| Harta Modal-Harta Modal Yang Lain | 31,882 | 29,725 |
| | <hr/> | <hr/> |
| | 168,289 | 120,894 |
| | <hr/> | <hr/> |
| 20. PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP | | |
| Pemberian Dalam Negeri | 79,331 | 140,256 |
| | <hr/> | <hr/> |
| | 79,331 | 140,256 |
| | <hr/> | <hr/> |
| 21. PERBELANJAAN-PERBELANJAAN LAIN | | |
| Bayaran-bayaran Lain | 302,412 | 197,442 |
| | <hr/> | <hr/> |
| | 302,412 | 197,442 |
| | <hr/> | <hr/> |
| 22. PELARASAN TAHUN LEPAS | | |
| Hasil Terlebih Catat | 20,000 | (8,862) |
| Belanja Terkurang Catat | (3,514) | (240,943) |
| Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan | (3,850) | (12) |
| Penghutang Terlebih Catat | (490,145) | 0 |
| Aset Terkurang Catat | 9,150 | 0 |
| Pemutang (Terkurang)/Terlebih Catat | 26,051 | 0 |
| Faedah Simpanan Tetap Terlebih Catat | 6,937 | 0 |
| Cek Lupus | 800 | 0 |
| | <hr/> | <hr/> |
| | (434,571) | (249,817) |
| | <hr/> | <hr/> |

No. 1444.

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENYATA KEWANGAN MAJLIS DAERAH PENGKALAN HULU
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Majlis Daerah Pengkalan Hulu bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2015 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

Tanggungjawab Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (*Akta 171*). Majlis juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruuh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

Pendapat

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Daerah Pengkalan Hulu pada 31 Disember 2015 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan Dan Peraturan Lain

Selaras dengan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (*Akta 171*) di Malaysia, saya turut melaporkan bahawa pada pendapat saya:

- i. Rekod perakaunan dan rekod lain telah diselenggara dengan teratur selaras dengan Seksyen 53, Akta tersebut;
- ii. Penerimaan, perbelanjaan, pelaburan wang dan perolehan serta pelupusan aset oleh Majlis Daerah Pengkalan Hulu bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 adalah selaras dengan peruntukan Akta tersebut; dan
- iii. Aset dan liabiliti telah dinyatakan dengan saksama selaras dengan polisi perakaunan.

BARIDATUL ANITA BINTI BIDIN

b.p Ketua Audit Negara

Malaysia

IPOH

14 Julai 2016

**PENYATA OLEH AHLI-AHLI MAJLIS
MAJLIS DAERAH PENGKALAN HULU
PERAK DARUL RIDZUAN**

Kami, Ahmad Shukri bin Ismail dan Dzulkifli bin Hassan Shaari, yang merupakan Ahli Majlis Daerah Pengkalan Hulu dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat kami Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan Nota-nota di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan Majlis Daerah Pengkalan Hulu pada 31 Disember 2015 dan hasil kendaliannya dan perubahan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga Ahli Majlis

t.t.

*Ahli Majlis
Majlis Daerah Pengkalan Hulu
Perak Darul Ridzuan*

Bagi Pihak Lembaga Ahli Majlis

t.t.

*Ahli Majlis
Majlis Daerah Pengkalan Hulu
Perak Darul Ridzuan*

Bertarikh: 26 April 2016

Bertarikh: 26 April 2016

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
MAJLIS DAERAH PENGKALAN HULU,
